

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld. 4 (99)

29 Julai 2026
14 Safar 1448

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 36/2026

PEMAKAIAN DASAR AKSES TERBUKA TESIS DAN DISERTASI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA (2025)

Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 139 pada 17 Julai 2025 telah meluluskan pemakaian Dasar Akses Terbuka Tesis dan Disertasi Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (2025) yang merupakan panduan rasmi kepada semua Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam mengurus, melaksanakan dan memantau akses terbuka terhadap tesis dan disertasi secara sistematik, beretika dan selaras di seluruh negara. Untuk makluman, Jabatan Perpustakaan UTM telah membentangkan dan diluluskan Kertas Kerja Cadangan Pelaksanaan Dasar Akses Terbuka Tesis dan Disertasi di Universiti Teknologi Malaysia di Mesyuarat Senat Bil.7/2024/2025 bertarikh 30 April 2025.

2. Pemakaian Dasar ini yang telah dibangunkan oleh Jawatankuasa Inisiatif Akses Terbuka Universiti Awam di bawah Majlis Ketua Pustakawan Universiti Awam yang dibentuk oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) adalah selaras dengan Surat Pematuhan Kepada Dasar Akses Terbuka Tesis dan Disertasi Institusi Pengajian Tinggi Malaysia untuk dilaksanakan kepada 20 Universiti Awam Malaysia pada 27 Mac 2025.

3. Pelaksanaan akses terbuka terhadap tesis dan disertasi memberikan manfaat yang signifikan kepada penyelidik serta institusi pengajian tinggi melalui peningkatan kebolehcapaian, kebolehlihatan, impak dan sitasi hasil penyelidikan, di samping memperluaskan penyebaran ilmu, menggalakkan kolaborasi dan inovasi, serta memperkukuh ketelusan dan integriti akademik.

4. Pelaksanaan ini turut memudahkan akses kepada komuniti akademik, industri, pembuat dasar dan masyarakat, selaras dengan prinsip akses terbuka, serta meningkatkan reputasi institusi melalui pengoptimuman pemanfaatan hasil penyelidikan dan penyediaan perkhidmatan nilai tambah yang mematuhi peruntukan undang-undang, perlindungan hak harta intelek dan dasar universiti yang berkuat kuasa.


5. Sehubungan dengan itu, semua staf diminta mengambil maklum dan mematuhi dasar ini yang berkuat kuasa serta merta. Dokumen penuh dasar boleh dimuat turun melalui pautan <https://utmik.utm.my/handle/123456789/193315> di Universiti Teknologi Malaysia Institutional Knowledge Repository (UTMIK Repository), Jabatan Perpustakaan UTM.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' DR. MOHD SHARIL BIN ABDULLAH)
Pendaftar

- s.k. -
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Ketua Kampus UTM Cawangan Kuala Lumpur
 - Ketua Kampus UTM Cawangan Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah